



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 APRIL 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	DUA JAM KEJAR TIGA BOT NELAYAN VIETNAM CEROBOH, CURI IKAN, DALAM NEGERI, UM -35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	MARITIM TAHAN TIGA BOT NELAYAN VIETNAM, NEGERI KELANTAN, SH -26	
3.	30 JAM LAYAN ONAR TUNDA TIGA BOT HARAM NELAYAN VIETNAM, LOKAL, HM -6	
4.	PLANET ATAU PLASTIK?, GAYA PENDIDIKAN, UM -24 & 25	
5.	PERLIS TANAM BAWANG MULAI MEI INI, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6.	PESAWAH GUNA KAEDAH SENDIRI ATASI MASALAH PADI ANGIN, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
7.	MUSIM HARUMANIS, MUKA DEPAN, UM -1	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

Dua jam kejar tiga bot nelayan Vietnam ceroboh, curi ikan

PASIR PUTEH: Anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terpaksa mengambil masa dua jam untuk menahan 40 nelayan Vietnam yang menaiki tiga buah bot selepas menceroboh dan mencuri hasil laut negara pada Selasa lalu.

Kesemua nelayan itu ditahan pada jarak 229.6 kilometer (km) dan 250 km dari Kuala Tok Bali menerusi Ops Pagar Laut Fasal 4.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, semasa melakukan rondaan rutin sekitar pukul 3.39 hingga 5.47 petang, pihaknya mengesan tiga bot dalam keadaan mencurigakan di perairan negara.

Menurutnya, pihaknya bertindak mengejar ketiga-tiga bot berkenaan dan berjaya menahan dua jam kemudian.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot pertama mempunyai lima awak-awak termasuk tekong. Bot kedua pula kita menjumpai 15 awak-awak termasuk tekong.

"Sementara bot ketiga, kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.



Kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun."

ERWAN SHAH SOAHDI

Erwan Shah memberitahu, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan 8,700 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 2,900 liter.

Katanya, nilai rampasan kesemua barangan termasuk bot dianggarkan berjumlah RM5.4 juta.

"Kesemua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara. Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) (a) kerana gagal mempamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan reman di lokap tahanan sementara Maritim Malaysia Tok Bali sehingga siasatan selesai sebelum pendakwaaan dilakukan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2024	SINAR HARIAN	PASIR PUTEH	26

Maritim tahan tiga bot nelayan Vietnam

PASIR PUTEH - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terpaksa mengejar tiga bot nelayan asing Vietnam selama kira-kira dua jam sebelum berjaya menahannya antara 124 hingga 135 batu nautika dari muara jeti Tok Bali, Selasa lalu.

Dalam kejadian antara jam 3.49 hingga 5.47 petang itu, bot Maritim yang melaksanakan rondaan di sempadan merampas kira-kira 8,700 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 2,900 liter dengan anggaran nilai hampir RM5.4 juta.

Pengarah Maritim negeri Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, melalui Op Khas Pagar Laut itu, 40 nelayan disyaki warga Vietnam berusia antara 18 hingga 62 tahun turut ditahan.

"Jumlah rampasan itu merupakan yang terbesar tahun ini dan kesemua nelayan terbabit dipercayai menceroboh perairan Malaysia kira-kira seminggu lalu berdasarkan jumlah liter diesel yang digunakan," katanya pada Isnin.

Beliau berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Tambahnya, tiga tekong juga disyaki melanggar Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili mengenai maklumat mereka termasuk nama negara, bendera dan lokasi laluan.

"Kesemua kru juga akan disiasat di bawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Erwan Shah berkata, proses membawa balik bot tahanan mengambil masa lebih 30 jam sebelum tiba di Jeti Maritim Negeri Kelantan kira-kira jam 1 pagi pada Khamis untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Tambah beliau, tangkapan hari terakhir fasa ketiga Op Khas Pagar Laut itu membuktikan keberkesanan operasi dalam mengawal sempadan perairan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2024	HARIAN METRO	LOKAL	6

30 jam layan onar tunda tiga bot haram nelayan Vietnam

Pasir Puteh: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengambil masa 30 jam untuk menunda tiga bot nelayan Vietnam yang ditahan di perairan negara ke Jeti APMM Kelantan.

Semua bot terbabit, dengan jumlah rampasan keseluruhan sebanyak RM 5.4 juta ditahan pada 16 April lalu menerusi Op Damai, Op Naga Barat, Op Tiris dan Op Khas Pagar Laut.

Pengarah APMM Kelantan Kapten Maritim Erwan

Shah Soahdi berkata, berdasarkan baki diesel pada bot terbabit, semua bot itu beroperasi di perairan lebih seminggu.

"Pada awalnya, kru bot itu berdegil dan enggan memberikan kerjasama dengan melakukan pelbagai percubaan seperti melarikan diri selain melepaskan tali.

"Namun, akhirnya, semua bot ditahan sebelum ditunda ke Jeti APMM Maritim Kelantan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat APMM Kelantan di

Tok Bali di sini, semalam. Menurut Erwan Shah, ia penahanan terbesar tahun ini dan antara yang dirampas ialah 8.7 tan hasil laut serta 2,900 liter diesel.

"Semua 40 kru termasuk tiga tekong dengan semua berusia 18 hingga 62 tahun turut ditahan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) kerana gagal memamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.



ERWAN SHAH (tengah) melihat 40 kru termasuk tiga tekong warga Vietnam yang ditahan dengan rampasan bernilai RM5.4 juta di Ibu Pejabat APMM Kelantan, Tok Bali, Pasir Puteh. - Gambar NSTP/NOR AMALJINA ALIAS

TAMBAH 102 April telah diwujudkan sebagai Hari Bumi Sedunia setiap tahun sebagai pengingat kepada global akan tanggungjawab manusia terhadap bumi bagi kemampuhan generasi akan datang.

Tema Hari Bumi pada tahun ini "Planet vs Plastics" dipaparkan sebagai salah satu isu sebagai masa kini iaitu pencemaran plastik serta keperluan bertindak untuk mencapai sasaran pengurangan 60 peratus pencemaran plastik global menjelang tahun 2040.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOP) sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab kepada komuniti dalam menguruskan sumber perikanan plastik. DOP melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) yang mempunyai kapasiti dan keupayaan telah memfokuskan kegiatannya bagi memulakan kajian mikrobiotik sejak lima tahun yang lalu.

Kajian pencemaran mikrobiotik dan makroplastik yang mui dilaksanakan sejak tahun 2019 telah menunjukkan di persekitaran akuatik Semenanjung Malaysia (khususnya bahagian barat laut dan pantai timur), Labuan serta dalam risu air tawar dan air payau juga terdapat kerangan.

"Dapatan kajian menunjukkan jenis plastik yang kerap ditemui dalam persekitaran akuatik adalah polietylen, polipropylene dan polystyrene."

"Jenis plastik ini digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian terutama dalam pembangunan makanan dan lain-lain industri."

"Lebih membangunkan adalah bahan kimia yang



PENCEMARAN bertamam daripada sisa plastik yang terdapat di pantai. Sisa plastik ini sering kali dibuang ke laut menyebabkan persekitaran akuatik negara. HASRAT HASSAN

Planet atau plastik?

diternakan di dalam penghasilan plastik seperti bisphenol A (BPA) dan pthalate boleh dirembes dan berakumulasi di dalam persekitaran dan sumber air. Penggunaan plastik yang panjang terhadap kesihatan sejagat.

masalah kesihatan seperti ketidaksuburan, hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan." kata Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk

Adnan Hussain. Pencekahan berterusan mikrobiotik pada kepetakan mikroplastik yang tinggi di pantai penemuan penyuluhan akan menggalakan pelbagai

impak negatif seperti tekanan oksidatif, keradangan, imunotoksik, genotoksik, kerosakan DNA, serta mengubah mikrobiota usus yang membahayakan kesihatan. Selain itu, kepetakan mikroplastik yang tinggi di pantai penemuan penyuluhan akan menggalakan pelbagai



PENCEMARAN plastik turut memberi kesan kepada populasi penyu kerana ada yang mati sebab termakan bahan toksikarn itu.

perkembangan penemuan

Ratnan awa berkahlan kuantiti, komposisi dan kepadatan plastik yang ditemui di dasar laut Kuala Pinang, Malaysia juga telah dilaporkan.

Bagi menangani krisis pencemaran plastik, kerjasama semua pihak daripada kerajaan, perniagaan, komuniti bingkalah kepada diwujudkan adalah sangat diperlukan.

"Langkah bersepadu daripada kita semua perlu untuk mengurangkan pencemaran dan penggunaan plastik, meningkatkan pengurusan sisa, serta ghalakan penggunaan bahan alternatif amat penting untuk menangani isu ini."

Sempena Hari Bumi 2024, di Pulau Pinang telah diadakan acara 100 individu Kem Kerisa Emas di Tasik Bukit Merah sebagai sebagai usaha memulihara serta mempromote kelestarian alam sekitar. Program telah dirangka bagi mendukung Hari Bumi pada tahun ini. DOF juga mengahak semua pihak untuk bersama-sama melindungi Bumi daripada pencemaran plastik.

Kesedaran sangat dituntut dalam membuat pilihan tepat dalam kehidupan seharian kerana ia akan menyumbang kepada masa depan yang lebih sihat dan berkualiti untuk generasi yang akan datang.

Bersama-sama, kita dapat mengubah arus pencemaran plastik dan memastikan planet kita tetap menjadi "rumah" yang selamat bagi semua kehidupan.

Ingat, "Pilih yang boleh digunakan semula, jauhkan plastik sekali guna dari prungan awal!"

“

Hubung kait antara bahan kimia ini dengan masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan.”

ADNAN HUSSAIN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Jangkaan hasil tiga tan metrik pada Ogos 2024

Perlis tanam bawang mulai Mei ini

Oleh MOHD. HAFIZ

abd.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Projek perintis penanaman bawang tempatan di Perlis di kawasan seluas 0.4 hektar di Sungai Chuchuh di sini dijadualkan bermula penghujung Mei ini dan dijangka menghasilkan sehingga tiga tan metrik.

Projek itu akan diusahakan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) negeri dengan sumber benih pula dibekalkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebanyak satu tan metrik.

Bercakap kepada *Utusan*

Malaysia, Pengarah Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, jangkaan tarikh tuai adalah pada awal Ogos ini dengan sasaran hasil sebanyak tiga tan metrik bagi peringkat permulaan.

Katanya, lokasi penanaman tersebut pada asalnya adalah kawasan hutan sebelum selesai dibersihkan baru-baru ini bagi memulakan tanaman.

"Tanaman akan bermula hujung Mei ini dengan hasil dijangka boleh dituai pada awal Ogos dengan tanaman memerlukan tempoh kira-kira 70 hari sebelum dituai.

"Hasil bawang berkenaan

pula akan dijual semula kepada MARDI dan jika terdapat lebihan, kita akan jual di Peladang Outlet," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Perak menjadi negeri pertama di Malaysia berjaya menuai hasil bawang tempatan jenis BW1 membabitkan berat sekitar 2.3 tan di Kampung Ladang Bikanam, Sungkai.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup dilaporkan berkata, projek kerjasama dengan Jabatan Pertanian Perak itu sebelum ini dilaksanakan secara tiga fasa di kawasan seluas satu hek-

tar, menyarankan pengeluaran hasil kira-kira empat tan metrik setiap hektar.

Sebagai rekod, tanaman bawang memerlukan 65 hingga 70 hari untuk tempoh matang sebelum boleh dituai.

Bekalan bawang di Malaysia diimport dari 29 negara dengan lima daripadanya adalah pengeksport terbesar iaitu India, Pakistan, China, Belanda dan Thailand.

Jenis bawang yang diimport negara ini antaranya bawang kecil merah, bawang besar, bawang kecil merah Rose dan bawang merah.

Pada 2022, Malaysia mengim-

port bawang sebanyak 687,000 tan metrik dengan nilai sebanyak RMI.58 billion.

Daripada jumlah tersebut, bawang kecil diimport sebanyak 38,000 tan metrik dengan nilai RM81.5 juta bagi menampung keperluan penggunaan domestik.

Tambah Hafizuddin, jika projek berkenaan berjalan dengan baik dan berjaya, ia akan diperluaskan lagi ke kawasan penanaman lain.

"Insya-Allah dengan nilai pengeluaran ini akan membantu menampung keperluan bawang negara dan mengurangkan nilai import bawang," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pesawah guna kaedah sendiri atasi masalah padi angin

Oleh **AIN SAFRE BIDIN**

utusannews@mediamulia.com.my

PASIR SALAK: Seorang pesawah di Sungai Lampam, Sungai Manik di sini mempunyai cara tersendiri untuk mengatasi masalah padi angin yang sering dialaminya iaitu dengan membuang padi angin yang tumbuh membesar bersama padi yang berisi.

Pesawah tersebut, Hamami Abas, 79, berkata, dia menggunakan mesin khas bagi memotong bahagian atas pokok padi yang diserang padi angin, yang pokoknya lebih tinggi berbanding padi yang sihat.

Menurutnya, padi angin mudah dipotong kerana pokoknya lebih tinggi dan dia hanya memotong padi yang tinggi tanpa menjejaskan padi yang berisi.

"Saya mendapat idea ini selepas padi sering diserang padi angin, isinya kosong. Memang sukar untuk mengatasi penyakit ini walaupun menggunakan baja dan racun.

"Saya tidak mahu terus mengalami kerugian kerana biasanya jika sudah dijangkiti, semua padi tidak boleh dituai, tiada isi.

"Saya mengambil keputusan sendiri dengan memotong padi

angin yang lebih tinggi berbanding padi yang berisi. Cara ini berkesan dan dapat mengelak daripada padi langsung tidak boleh dituai," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Hamami yang mengusahakan tanaman padi seluas sembilan ekar berkata, jika padi angin tidak dipotong atau dibuang, pokok yang sihat akan dijangkiti dan akan menyebabkan padi kosong tiada isi.

Katanya, dia melakukan sendiri kerja-kerja memotong bahagian atas pokok padi yang sudah dijangkiti padi angin kerana untuk mengupah, kosnya agak tinggi.

"Lagipun tidak ramai yang tahu kaedah ini, ramai belum dapat melakukan kerja-kerja membuang padi yang sudah dijangkiti penyakit angin kerana ia bercampur dengan padi yang tidak berpenyakit," katanya.

Hamami berkata, cara yang digunakan itu diharap dapat mengatasi kerugian akibat penyakit padi angin yang kadang kala menyebabkan padi tidak dapat dituai langsung.

Jelasnya, jika dibiarkan penyakit ini akan menjangkiti padi yang sihat. Padi angin akan menyebabkan padi yang ditanam



HAMAMI Abas menggunakan mesin khas untuk memotong padi angin di Sungai Manik di Pasir Salak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN


akan rebah, sehinggalah pada musim lepas sebahagian padi tenggelam dan saya hanya sempat menuai beberapa kilogram saja.

"Kali ini saya tidak mahu menanggung kerugian lagi biar akibat penyakit ini. Saya harap

usaha saya ini dapat mengelak daripada lebih luas padi dijangkiti penyakit padi angin.

"Walaupun terpaksa bekerja keras untuk membuang padi angin, saya akan cuba supaya dapat mengelak padi daripada tidak dapat dituai," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Musim Harumanis

SEORANG peniaga Nurhafina Ahmad, 39, melayan pelanggan di gerai memalam harumanisnya di tepi jalan di Ulu Pauh, Arau, Perlis semalam.
- UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN